

16 DEC 2001

Mahathir-litar

KERAJAAN BELUM TENTUKAN MASA DEPAN LITAR SEPANG, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 16 Dis (Bernama) -- Kerajaan belum menentukan masa depan Litar Antarabangsa Sepang (SIC), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

"Kita mahu melihat litar Sepang ini diuruskan dengan baik dan digunakan secara maksimum. Kerajaan belum membuat keputusan sama ada untuk menyerahkannya kepada Petronas atau pihak lain," katanya kepada pemberita di rumah terbuka hari raya beliau di Seri Perdana.

Perdana Menteri berkata kerajaan perlu melihat sama ada mereka yang ingin membeli SIC daripada pemiliknya sekarang, Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB), mahu menggunakan litar itu untuk perlumbaan Formula 1 sahaja atau untuk acara lain.

"Kita nak tahu untuk apa litar ini akan mereka gunakan...sudah pasti ianya untuk F1 tetapi F1 hanya sekali setahun...takkan litar sebesar itu dibina tanpa digunakan sepenuhnya," katanya.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, nilai pengiklanan daripada perlumbaan F1 adalah lima atau enam kali ganda daripada kos membina litar itu.

Awal bulan ini, MAHB mengumumkan ia sedang berbincang dengan Petronas tentang kemungkinan menjual SIC kepada syarikat petroleum itu.

Presiden dan Ketua Eksekutif Petronas Tan Sri Mohd Hassan Merican yang mengesahkan perkara itu, berkata Petronas akan mengambil alih SIC untuk memajukan sukan pemotoran di negara ini.

Petronas adalah penaja utama Grand Prix F1 Malaysia selain turut menaja pasukan F1 Sauber Petronas dan membiayai pasukan rali dan motosikal GP.

Selain F1, SIC juga menganjurkan antara lain perlumbaan Japan GT, Merdeka Millennium Endurance Race dan GP Motosikal Dunia.

Dr Mahathir menolak andaian kononnya pengambilalihan oleh Petronas itu, jika ia berlaku, ialah untuk menyelamatkan MAHB.

"Ia bukan langkah menyelamatkan. Kita tahu MAHB tidak mahu terlibat selain daripada perniagaan utamanya iaitu menguruskan lapangan terbang.

"Litar Sepang ini bukanlah perniagaan asas dan MAHB tidak mahu yang lain...mereka tidak mahu pusat pameran atau pusat lelong, lagipun litar perlumbaan bukannya sebahagian daripada lapangan terbang," katanya.

Ketika ditanya sama ada Petronas adalah pihak yang sesuai untuk mengambilalih litar itu, beliau berkata : "Mungkin mereka boleh, mungkin mereka tidak boleh. Tak tahulah."

SIC yang menelan belanja RM286 juta dibina pada 1998. Sepang International Circuit Sdn. Bhd (SIC), syarikat milik penuh MAHB, adalah pengurus dan pengendali litar 5.541km itu.

-- BERNAMA

SR DC MAI